

Malaysia yakin PBB luluskan

um-7/9/2006

Oleh FAUZIAH AROF

Persetujuan oleh PBB ini bukan dibuat secara serentak tetapi berperingkat-peringkat, jadi kita harap dalam masa terdekat ini kita diberi kebenaran

NAJIB TUN RAZAK
Timbalan
Perdana Menteri

PELABUHAN KLANG 6 Sept. - Kerajaan masih optimis bahawa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) akan memberi kelulusan kepada Malaysia untuk menghantar pasukan tentera pengaman ke Lebanon, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, kerajaan yakin akan mendapat persetujuan tersebut dalam masa terdekat ini dan hanya menunggu isyarat kerana segala persiapan telah dibuat.

"Persetujuan oleh PBB ini bukan dibuat secara serentak tetapi berperingkat-peringkat, jadi kita harap dalam masa terdekat ini kita diberi kebenaran," katanya.

Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata demikian kepada pemberita pada Majlis Pembubaran Angkatan Tugas Bersama 1 Operasi Khas Timor Leste di Pelabuhan Selatan di sini hari ini.

Beliau menambah, Malaysia menaruh harapan yang amat tinggi untuk membantu negara yang sedang bergolok itu.

Malaysia sebelum ini menawarkan penghantaran 1,000 askar ke Lebanon selepas PBB berjaya melaksanakan gencatan senjata antara Israel dan Hizbullah.

Bagaimanapun, Israel menolak penyertaan pasukan penyelia yang tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan negaranya.

Sementara itu mengenai misi di Timor Leste, Najib dalam ucapannya berkata, beliau bangga dengan kebolehan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang mendapat pujian bukan sahaja daripada negara itu tetapi Australia kerana menunjukkan komitmen tinggi sepanjang berada di sana.

"Dalam tempoh bertugas dari 25 Mei sehingga tamat operasi pada 27 Ogos lalu, pasukan ATM bukan sahaja berjaya mengembalikan ketenteraman serta kestabilan negara Timor Leste tetapi turut berjaya memenangi hati rakyat negara tersebut," katanya.

Najib berkata, baru-baru ini pada satu majlis rasmi di Indonesia, Perdana Menteri Timor Leste, Jose Ramos-Horta meng-



NAJIB Tun Razak diiringi oleh Panglima Angkatan Tentera, Tan Sri Mohd. Anwar Mohd. Nor (dua dari kanan) menyambut kepulangan anggota tentera dari Timor Leste pada Majlis Pembubaran Angkatan Tugas Bersama 1 Operasi Khas Timor Leste di Pelabuhan Selatan, Klang, semalam.

- Gambar ABD RAHMAN SALEH

habiskan 15 minit ucapannya dengan memberi pengiktirafan dan memuji kerajaan Malaysia dan ATM.

"Beliau bangga kerana kita telah sahut kehendak mereka dengan begitu singkat dan dalam masa yang singkat juga menunjukkan

kewibawaan dan komitmen yang sangat tinggi ketika berkhidmat di sana," katanya.

Dalam misi tersebut, ATM yang diketuai oleh Kolonel Ismet Nayan Ismail telah berganding bahu dengan pasukan pengaman dari Australia, New Zealand dan

Portugal.

Timbalan Perdana Menteri menambah, segala pengalaman tersebut patut menjadi satu sejarah dan dihipunkan sebagai khazanah ATM yang menjadi institusi kebanggaan rakyat.